



Headline : Untung sebelum cukai Deleum meningkat kepada RM30.7 juta
Media : Bernama Webnews (Malay)
Day/Date : 15 August 2012
Page :
Links : [HTTP://WWW.BERNAMA.COM/BERNAMA/V6/BM/NEWSINDEX.PHP?ID=688338](http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=688338)

15 Ogos, 2012 16:37 PM

Untung Sebelum Cukai Deleum Meningkatkan Kepada RM30.7 Juta

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Keuntungan sebelum cukai Deleum Bhd bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun, 2012 meningkat kepada RM30.7 juta berbanding RM19.7 juta pada tempoh yang sama pada 2011.

Dalam kenyataan pada Rabu, Deleum berkata peningkatan itu sebahagian besarnya disumbangkan oleh keuntungan operasi yang lebih tinggi sebanyak RM8.9 juta menerusi segmen tenaga, mesin serta medan minyak, selain peningkatan saham syarikat sekutu bernilai RM2.2 juta.

Kumpulan itu mengumumkan dividen interim satu peringkat sebanyak lima sen.

Pengarah Urusan Kumpulan Nan Yusri berkata industri minyak dan gas akan kekal positif selari dengan peningkatan aktiviti Petroliam Nasional Bhd dan syarikat minyak utama lain.

"Ini akan merangsang peluang-peluang perniagaan, dan Deleum berada pada kedudukan yang baik untuk merebut peluang-peluang pertumbuhan dalam industri domestik," katanya.

-- BERNAMA